

Semangat tidak putus asa untuk terus mengejar impian merupakan antara intipati dua valediktorian Universiti Teknologi Nanyang (NTU). Bahkan mereka sendiri menjadi contoh kepada pelajar lain tentang pentingnya untuk gigih berusaha bagi mencapai sesuatu yang mereka idamkan dalam kehidupan. Wartawan SHAHIDA SARHID (sshahida@sph.com.sg) menemuramah dua pelajar valediktorian NTU – Cik Aisyah Yusoff dan Encik Rifdi Rosly. Kisah dua lagi pelajar – Encik Himi Rahman dan Cik Dian Nadiah Muhammad Tahir – yang turut meraih Kepujian Tertinggi dalam kursus masing-masing pula akan diterbitkan esok.

LULUSAN CEMERLANG NTU

Sentiasa prihatin golongan kurang upaya; bakal lanjut pengajian ke Universiti Cambridge

MENYUMBANG kembali kepada masyarakat dan memberikan ‘suara’ kepada mereka yang kurang berkemampuan merupakan matlamat Cik Aisyah Yusoff.

Sejak di menengah empat, Cik Aisyah sudah mula menyumbangkan masa, tenaga dan kepakaran membantu mereka yang kurang upaya – tidak kira dari segi fizikal, penglihatan atau intelektual.

Di Universiti Teknologi Nanyang (NTU), anak kedua dalam keluarga tiga beradik ini juga masih gigih menjadi sukarelawan yang menganjurkan acara buat mereka yang kurang upaya meskipun sibuk belajar.

“Setiap acara yang saya anjurkan saya akan pastikan adanya interaksi antara golongan kurang upaya ini dengan masyarakat sekeliling.

“Saya mahu mempromosikan semangat inklusiviti dalam masyarakat agar kita sedar tentang kehadiran golongan ini dan timbulnya sifat belas ihsan terhadap mereka,” ujarnya.

Tambahnya melalui interaksinya dengan kumpulan kurang upaya ini, ia membakar lagi semangatnya untuk mahu terus menyumbang.

“Ada yang pernah menceritakan kepada saya tentang pengalaman mereka dicemuh,

dipinggirkan dan juga alami sendiri diskriminasi di tempat kerja.

“Oleh kerana itulah saya bertekad untuk memperbetulkan persepsi masyarakat mengenai kumpulan ini dengan mewujudkan peluang interaksi itu,” katanya lagi.

Atas sumbangan dan juga pencapaian cemerlangnya dalam akademik, Cik Aisyah, 23 tahun, telah dianugerahkan dengan Anugerah Cendekiawan Koh Boon Hwee.

Anugerah ini diberikan kepada pelajar terbaik NTU yang telah meraih prestasi akademik cemerlang, memaparkan sifat kepimpinan tinggi, menyumbang kepada masyarakat dan menjadi contoh kepada pelajar lain.

Beliau yang lulus dalam sosiologi dengan ‘major’ kedua dalam Dasar Awam dan Hal Ehwal Global juga dipilih menjadi valediktorian bagi Sekolah Sains Kemasyarakatan NTU.

Yang lebih membanggakan, anak muda ini juga bakal melanjutkan pengajiannya di peringkat sarjana falsafah dalam bidang antropologi sosial di Universiti Cambridge, United Kingdom (UK).

“Pendaftarannya bermula awal tahun ini selepas mendapat saya memenuhi segala kriteria yang ditetapkan, alhamdulillah

saya diterima masuk ke universiti berprestij ini dan akan meneruskan pengajian pada Oktober nanti,” ujarnya.

Dua lagi adik-beradiknya juga kini bersama di UK.

Abangnya, Muhammad Ashraf Yusoff, 26 tahun, kini sedang menuntut dalam bidang perubatan di University College London (UCL) manakala adiknya pula, Dinah Yusoff, 22 tahun, sedang mengikuti bidang

pergigian di King’s College London.

Bapanya, Encik Yusoff Md Noor, 55 tahun, merupakan seorang jurutera dan ibunya, Cik Sri Haryati Abdul Hamid, 53 tahun, ialah seorang guru.

Ditanya tentang apakah nilai penting yang dipegangnya, bekas pelajar Maktab Rendah Nasional yang mengikuti Program Berspadai (IP) ini berkata:

“Sifat belas ihsan atau empati amat pen-

ting kerana kita perlu melihat perspektif dan sudut pandangan orang lain berhubung se-satu isu.

“Dalam dunia hari ini, pelbagai konflik wujud dalam masyarakat kerana kegagalan kita mendengar atau benar-benar memahami pandangan orang lain.

“Hanya dengan empati kita dapat wujudkan keharmonian dan kemakmuran dalam masyarakat.”



PENCAPAIAN CEMERLANG: Atas sumbangan dan juga pencapaian cemerlangnya dalam akademik, Cik Aisyah (kiri), yang bergambar dengan adiknya Dinah, telah dianugerahkan dengan Anugerah Cendekiawan Koh Boon Hwee. Anugerah ini diberikan kepada pelajar terbaik NTU yang antaranya telah meraih prestasi akademik cemerlang, memaparkan sifat kepimpinan tinggi dan menyumbang kepada masyarakat. – Foto BH oleh NUR DIYANA TAHA



Pelajar terbaik kursus Seni, Desain dan Media juga berbakat dalam fotografi

SENTUHAN CEMERLANG: Minat dan karya yang dihasilkan Encik Rifdi (kiri) begitu menyerlah sehingga beliau dianugerahkan Hadiah Kecemerlangan dalam Fotografi Kwek Leng Joo 2019. Anugerah itu mengiktiraf kecermerlangan fotografi dalam kalangan pelajar Sekolah Seni, Desain dan Media NTU. Gambar kanan ialah semasa bersama ibu dan bapanya, Cik Lily Lee Abdullah dan Encik Rosly Md Saad. – Foto BH oleh ROSLEE ABDUL RAZAK & Foto ihsan RIFDI ROSLY



SEMASA di Sekolah Victoria, Encik Rifdi Rosly sudah mula berminat dalam bidang fotografi.

Beliau telah mengikuti program Elektif Kesenian dan kegiatan kokurikulum di sekolah pilihannya ialah Kelab Media.

Ayahnya, Encik Rosly Md Saad, 62 tahun, seorang pengarah di sebuah badan berkanan, merupakan individu yang mula memperkenalkan kepadanya dunia di sebalik lensa kamera.

Ibuanya, Cik Lily Lee Abdullah, 63 tahun, ialah seorang pengurus akaun.

“Bapa saya pernah menjadi juru gambar bebas mengambil gambar pengantin. Pendedahan yang beliau berikan itulah

yang membuat saya terus berminat terhadap fotografi sehingga hari ini,” ujarnya.

Malah ketika menuntut di Universiti Teknologi Nanyang (NTU) dalam kursus Seni, Desain dan Media, minat dan karya yang dihasilkan Encik Rifdi begitu menyerlah sehingga beliau dianugerahkan Hadiah Kecemerlangan dalam Fotografi Kwek Leng Joo 2019.

Anugerah itu mengiktiraf kecermerlangan fotografi dalam kalangan pelajar Sekolah Seni, Desain dan Media NTU. Setiap tahun dua siswazah cemerlang akan dipilih berdasarkan portfolio, cadangan dan potensi mereka.

Setiap siswazah juga akan menerima hadiah wang tunai \$25,000 untuk menyokong

dan mulakan kerjaya artistik mereka dalam bidang fotografi.

Namun melebih batik artistiknya, Encik Rifdi juga cemerlang dalam bidang akademik.

Sempena semasa majlis konvoikesyennya pada Khamis ini, Encik Rifdi, 25 tahun, bakal menerima Pingat Emas Lee Kuan Yew di atas kejayaannya muncul sebagai pelajar terbaik kursusnya.

Beliau juga bakal menyampaikan ucapan selaku valediktorian kohortnya.

Mengongsikan intipati ucapannya, anak tunggal ini berkata beliau mahu menggesa teman-temannya agar tidak berputus asa untuk mencapai impian mereka meski cabaran datang bergolek.

“Saya mahu memberitahu mereka bahawa tiada yang mustahil jika kita berusaha untuk mengecapinya,” katanya lagi.

Bagi projek tahun akhirnya, Encik Rifdi telah membuka dalam bentuk gambar pengalaman dan rintangan yang dihadapinya dalam meneroka identiti sebenarnya.

Beliau, yang merupakan campuran Cina dan Melayu, berasa ada kalanya agak sukar untuk memenuhi jangkaan masyarakat berhubung dentiti, etnik dan agamanya.

Justeru menerusi projeknya yang berjudul ‘Jangka’, beliau berharap dapat mengetengahkan cabaran yang dihadapinya membesar dalam keluarga dua etnik ini.

“Ada kalanya bahasa visual itu dapat

memberi penerangan yang lebih mendalam dan meluas berbanding dengan apa yang dapat saya ungkapkan menerusi kata-kata,” ujarnya lagi.

Projek itu telah dipamerkan dalam bangunan 5 Kadayanallur Street pada Mei lalu. Ditanya pula apakah rahsia sebalik kecermerlangannya dalam pelajaran, Encik Rifdi berkata:

“Penting untuk kita mencari makna di sebalik ilmu yang kita dalami.

“Kita perlu cari apakah rasa puas hati atau kenikmatan yang diraih apabila belajar. “Ini kerana jika tidak ia akan menjadi satu beban untuk kita dan itulah yang akan menghambat kita daripada mahu terus menuntut ilmu.”